

DEB diubah suai ikut keperluan

BH-29/6/2007

Dasar kita tiada catat cela, jadi panduan hala tuju kemajuan sosioekonomi



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

KRITIKAN terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) nampaknya makin menjadi sejak akhir-akhir ini. Pelbagai label diberikan kepada dasar yang sudah berusia 37 tahun itu. Antaranya tidak demokratik, tidak adil, mementingkan orang Melayu dan Bumiputera saja sambil menindas kaum lain, antipelaburan, antiglobalisasi, bersifat kronisme, lapuk dan sebagainya.

Berbeza pada awal 1970-an ketika dasar itu mula diperkenalkan apabila golongan penentangannya cuma sebahagian kecil daripada masyarakat Cina, kini penentang DEB daripada pelbagai kaum dan golongan.

Kalau dulu di kalangan parti pembangkang, cuma DAP yang menyatakan penentangan mereka secara terbuka, sekarang Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) nampaknya beria-ia benar untuk menonjolkan diri sebagai jaguh penentang DEB.

Ini jelas terbukti daripada kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kalau dulu orang yang boleh dikatakan anti-DEB hanya daripada warga negara Malaysia, kini mereka disertai orang asing termasuk mereka yang bermastautin di negara ini seperti diplomat dan ahli perniagaan luar negara.

Cakap-cakap yang menyindir DEB sering kedengaran dalam perbincangan tidak rasmi atau dalam majlis rasmi.

Terkini ialah kenyataan terbuka Duta dan Ketua Delegasi Suruhanjaya Eropah ke Malaysia, Thierry Rommel yang secara terang-terangan meminta Kerajaan Malaysia menghapuskan dasar berkenaan.

Ketika berucap kepada sekumpulan diplomat dan ahli perniagaan di ibu negara Khamis lalu, Rommel mendakwa dasar yang diamalkan di Malaysia selama ini menjejaskan perkembangan ekonomi dan menghalang perjanjian perdagangan bebas.

Katanya, dasar itu juga menumpulkan daya saing Malaysia, mengurangkan tahap keterampilan ekonomi dan menyekat ali-

INTI PATI

Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- DEB diperkenalkan pada 1970 dan mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat.
- Negara berjaya mencapai pertumbuhan KDNK purata sebanyak 7.5 peratus setahun pada 1970-an selepas kelahiran DEB.
- Krisis kewangan serantau pada 1998, peristiwa 11 September di Amerika Syarikat, ancaman Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan penaklukan Amerika terhadap Iraq adalah punca kemerosotan KDNK yang langsung tiada kaitan dengan DEB.
- Hakikat bahawa pelabur asing lebih tertumpu kepada China, India atau Vietnam berbanding Malaysia bukan kerana Malaysia ada DEB tetapi kerana negara berkenaan mempunyai kelebihan lain seperti kos buruh dan tanah yang murah.
- DEB sebagai satu dasar tidak ada cacat celanya tetapi mungkin menjadi masalah ialah penyelewengan dari segi pelaksanaannya.

ran masuk pelaburan langsung asing (FDI).

Berdasarkan kepada keghairahan pengkritik ini dan hujah yang mereka ketengahkan, adalah jelas matlamat mereka ialah untuk menghapuskan sama sekali atau cuba mempengaruhi kerajaan untuk menghapuskan dasar yang diperkenalkan pada 1970 itu.

Tujuan mereka kononnya cukup murni iaitu untuk melihat Malaysia lebih maju dari segi ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Apakah ini benar? Apakah boleh dipercayai bahawa rakyat asing yang terdiri daripada diplomat dan tokoh pernia-

gaan lebih mencintai negara ini daripada rakyat tempatan seperti pembuat dasar dan tokoh politik dalam parti kerajaan.

Oleh kerana orang yang mahu DEB dihapuskan ini tidak mengemukakan cadangan jelas mengenai dasar alternatif sebagai ganti, bolehlah diandaikan apa yang mereka mahu ialah dasar ekonomi *Laissez-faire* yang pernah diamalkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada 1957 sehingga 1970.

Bukankah dasar terbabit melahirkan jurang perbezaan ekonomi yang terlalu luas antara orang Melayu dan Cina sehingga menjadi antara punca peristiwa berdarah 13 Mei 1969?

Sebaliknya tujuan jangka panjang DEB ialah memastikan rakyat Malaysia terus kekal hidup dalam suasana harmoni, bersatu padu dan faham memahami antara satu sama lain demi menjamin kelangsungan negara hingga ke akhir zaman.

Dalam banyak perkara, matlamat ini berjaya dipertahankan setakat ini. Dari segi pencapaian ekonomi juga, Malaysia mendahului banyak negara di rantau ini yang tidak mengamalkan dasar afirmatif.

Sebagai contoh, negara berjaya mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) purata sebanyak 7.5 peratus setahun pada 1970-an selepas kelahiran DEB. Walaupun kadar purata untuk 1980-an merosot kepada 5.8 peratus, ia melonjak semula kepada 7.1 peratus pada 1990-an.

Kadar pertumbuhan KDNK hanya merosot kepada negatif 7.4 peratus pada 1998 berikutan krisis kewangan serantau, 0.3 peratus pada 2001 dan 4.4 peratus pada tahun berikutnya akibat peristiwa 11 September di Amerika Syarikat, ancaman Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan penaklukan Amerika terhadap Iraq.

Semua peristiwa itu tidak ada kena mengena dengan DEB. Krisis kewangan Asia juga menjejaskan ekonomi Thailand, Filipina, Korea Selatan dan Indonesia. Negara terbabit tidak mengamalkan dasar seperti DEB.

Ekonomi negara mulai pulih sepenuhnya dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.4 peratus pada 2003, 7.1 peratus pada 2004, 5.3 peratus pada 2005 dan 5.9 peratus tahun lalu. Unjuran untuk tahun ini ialah sebanyak 6 peratus.

Cakap-cakap mengenai kemerosotan daya saing negara dan Malaysia menjadi destinasi terakhir pelabur asing juga ti-

dak berasas.

Tahun lalu, nilai dagangan negara mencatat rekod tertinggi dalam sejarah setelah mencecah angka RM1.069 trilion sementara pelaburan asing dan tempatan berjumlah RM46 bilion, peningkatan sebanyak 48 peratus daripada RM31 bilion yang dicatatkan pada 2005.

Hakikat bahawa kini pelabur asing lebih tertumpu kepada China, India atau Vietnam berbanding Malaysia bukan kerana Malaysia ada DEB tetapi kerana China, India atau Vietnam mempunyai kelebihan lain yang pernah ada pada Malaysia pada 1970-an atau 1980-an dulu seperti kos buruh dan tanah yang murah dan sebagainya.

Jelaslah bahawa DEB sebagai satu dasar tidak ada cacat celanya. Yang mungkin menjadi masalah dari semasa ke semasa ialah penyelewengan dari segi pelaksanaannya. Ini dikenal pasti dan kerajaan sudah pun mengambil pelbagai langkah mengatasinya.

Sebenarnya, DEB dalam bentuk asalnya sudah banyak berubah dan melalui pelbagai penyesuaian. Pada 1991, ia digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional dan selepas itu pada 2001 hingga sekarang ia digantikan dengan Dasar Wawasan Negara.

Apa yang masih dikekalkan dalam dasar itu hanyalah semangatnya saja termasuk mengekalkan tindakan afirmatif bagi merapatkan jurang pendapatan antara kaum dan wilayah. Kalau sedikit semangat yang masih tinggal ini pun mahu dihapuskan, apakah lagi yang masih tinggal untuk orang Melayu dan Bumiputera di negara ini?

Pakar ekonomi tempatan, Prof Datuk Dr Ismail Salleh, berkata sedikit pencapaian dan kejayaan yang diperoleh Bumiputera setakat ini pun boleh terhakis akibat tekanan globalisasi dan tuntutan persaingan antarabangsa jika strategi gagal dilaksanakan serta pemantauan tidak dijalankan secara berkesan.

Jelaslah bahawa tindakan menghapuskan DEB atau semangatnya seperti yang dikehendaki sesetengah pihak samalah seperti permintaan membunuh orang Melayu dan Bumiputera di negara ini. Kesannya mungkin merugikan semua pihak.

Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara.